

Headline	Joel enggan lagi berputih mata buat kali kedua		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	59
ArticleSize	275 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 21,492		



Joel enggan lagi berputih mata buat kali kedua



JOEL (tengah) mahu tersenarai ke Sukan Komanwel berdasarkan prestasinya di padang dan bukan disebabkan dia anak kepada ketua jurulatih skuad negara, Van Huizen.

PEMAIN tengah skuad hoki kebangsaan, Joel Samuel Van Huizen mendedahkan keinginannya untuk beraksi pada Sukan Komanwel 2018 di Gold Coast, Australia yang bermula April depan selepas terlepas membuat penampilan di Glasgow, Scotland empat tahun lalu.

Joel, 26, 'berputih mata' untuk beraksi pada Sukan Komanwel 2014 kerana mengalami kecederaan sewaktu sesi pemilihan yang menyaksikan *Malaysian Tigers* meraih tempat ketujuh pada edisi tersebut.

Kali ini, Joel berharap namanya tersenarai ke temasya berprestij tersebut kali ini berdasarkan prestasi dipamerkannya dalam padang dan bukannya disebabkan 'tiket' sebagai anak kepada ketua jurulatih skuad negara, Stephen Van Huizen.

"Saya mahu bermain pada semua tiga kejohanan penting tahun ini iaitu Sukan Komanwel 2018, Sukan Asia 2018 di Jakarta dan Palembang (Ogos) serta Piala Dunia 2018 di Bhubaneswar, India (November).

"Saya tidak pernah lagi bermain pada tiga-tiga kejohanan ini. Ketika 2014, saya tidak terpilih (Sukan Komanwel) kerana masalah kecederaan tetapi saya perlu membuktikan tempat saya dalam pasukan terlebih dahulu," katanya.

Sehubungan itu, Joel berharap pengalamannya beraksi di samping enam import berkelas dunia bersama Universiti Kuala Lumpur (UniKL) menjuarai Piala TNB dalam saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini dapat meningkatkan prestasinya ke tahap lebih tinggi.

Pada masa sama, Joel menegasakan, dia akan mencuba sedaya upaya merebut tempat dalam senarai 18 pemain terbaik bagi menggalakan cabaran *Malaysian Tigers* menghadapi saingan Piala Sultan Azlan Shah (PSAS) di Ipoh, Perak awal bulan depan.

"Selain bermain lebih banyak bersama UniKL, saya juga belajar banyak perkara baharu dengan enam pemain import terutama daripada dua bekas tonggak skuad kebangsaan Australia, Kieran Govers dan Tim Deavin.

"Saya berharap terpilih ke PSAS dan saya akan buktikan permainan saya bagus, sekali gus tersenarai ke Sukan Komanwel 2018. Kalau bagus, barulah saya boleh menyertai dua lagi kejohanan iaitu Sukan Asia 2018 dan Piala Dunia 2018," jelasnya.